

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1576



9 772232 157005

MALAM PENGHARGAAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BM118

Pada 16 Ogos 2014, Majlis Malam Penghargaan Kecemerlangan Akademik BM118 yang bertemakan *Mystical Award Night* telah diadakan di Hotel Riverside Majestic bagi memenuhi keperluan kursus *Organising Events* (OMT290), pelajar Bahagian 4 Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BM118). Selain dari itu, majlis ini juga diadakan bagi memberi penghargaan kepada pelajar Anugerah Dekan BM118 yang telah mendapat keputusan yang cemerlang pada Peperiksaan Akhir Mac 2014. Majlis anjuran pelajar BM118 4A (Kumpulan *Mystique Flame*) turut dihadiri dan dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Rosita Hj. Suhaimi, Timbalan Rektor HEA. Ceramah bertajuk *How to Handle Criticisms* telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Encik Telemachus Lo dari SMT Learning Solutions. Aktiviti ini berjaya memberi pendedahan dan pengalaman mengenai penganjuran majlis rasmi, pengacaraan majlis, protokol majlis rasmi serta cara berkomunikasi dan berurusan dengan organisasi lain.



Ucapan perasmian oleh Prof. Madya Dr. Rosita Hj. Suhaimi



Penyerahan cenderahati kepada penceramah, Encik Telemachus Lo dari SMT Learning Solutions

Sesi BL@UiTM Road Show: Prompts for Innovative Practices

Oleh: Lenny Yusrina Bujang Khedif

Sesi BL@UiTM Road Show: *Prompts for Innovative Practices* telah diadakan dengan jayanya pada 7 Julai 2014 bertempat di Auditorium FSG, Blok B, UiTM Kampus Samarahan 2. Program yang bermula dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari ini telah dihadiri oleh 96 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Kursus, Ketua Program dan pensyarah dari pelbagai program dan fakulti. Sesi ini merupakan sesi perkongsian dan 'FAQs' berkenaan inisiatif *Blended Learning* terkini, memperkenalkan prototaip awal sistem i-Learn yang baru, sistem latihan i-Learn, pembangunan e-kandungan, penyertaan latihan e-pembelajaran, dan lain-lain.

Sesi tersebut telah dikendalikan oleh Prof. Dr. Hjh Nor Aziah Hj Alias yang merupakan Pengarah Pusat i-Learn UiTM Shah Alam. Turut bersama dalam sesi berkenaan adalah Dr. Johan @ Eddy Luan (Felo Pusat i-Learn UiTM Shah Alam), Timbalan Rektor HEA UiTM Sarawak, Prof. Madya Dr. Rosita Hj. Suhaimi, Ketua Unit i-Learn UiTM Sarawak, Cik Adeline Engkamat, Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Kursus, Ketua Program, Wakil Fakulti, Resource Person, AJK OBE dan Lecturer in Charge. Program seperti ini diharap dapat memberi pendedahan dan maklumat kepada pensyarah-pensyarah UiTM Sarawak mengenai kepentingan *Blended Learning* dan keberkesanannya dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**